



FACULTY OF EDUCATION AND ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) :

Course Code & Name : **MPU2212 BAHASA KEBANGSAAN A**
 Semester & Year : May - August 2024
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- This question paper consists of 2 parts:
 - PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.**
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
Answers are to be written in the Answer Booklet provided.**
- Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
- This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
- Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**

ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Kemiskinan bandar adalah salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh negara-negara yang sedang membangun, termasuk Malaysia. Fenomena ini merujuk kepada keadaan penduduk bandar yang hidup di bawah garis kemiskinan, menghadapi pelbagai kekurangan dan kesulitan dalam memenuhi keperluan asas mereka. Terdapat pelbagai kesan kemiskinan bandar di Malaysia.

Antaranya, kemiskinan bandar menyebabkan mereka sukar untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan. Hal ini disebabkan oleh kos rawatan serta ubat-ubatan yang di luar kemampuan mereka. Akibatnya, kadar penyakit dan kematian dalam kalangan golongan miskin bandar adalah lebih tinggi. Seterusnya, kemiskinan bandar menjejaskan kualiti pendidikan. Anak-anak daripada keluarga miskin mungkin tidak dapat pergi ke sekolah kerana kekurangan wang untuk yuran, buku, atau pengangkutan. Ada juga yang terpaksa bekerja untuk membantu menyara keluarga, menyebabkan mereka tercicir daripada pendidikan. Kekurangan pendidikan ini seterusnya menghalang peluang mereka untuk keluar daripada kitaran kemiskinan.

Bukan itu sahaja, kemiskinan bandar juga menyumbang kepada peningkatan jenayah. Apabila penduduk bandar menghadapi kesusahan ekonomi, mereka mungkin terpaksa **mencari jalan keluar** yang tidak sah untuk menyara hidup, termasuk terlibat dalam kegiatan jenayah seperti mencuri, merompak, atau pengedaran dadah. Hal ini bukan sahaja menjejaskan keselamatan komuniti, tetapi juga meningkatkan kos sosial dan ekonomi bagi negara. Selain itu, ramai penduduk yang miskin bandar terpaksa tinggal di kawasan setinggan atau rumah-rumah yang tidak mempunyai kemudahan asas, seperti air bersih dan elektrik. Keadaan hidup yang tidak sihat ini boleh membawa kepada pelbagai masalah kesihatan. Lebih teruk lagi, kemiskinan bandar boleh menjejaskan kesejahteraan mental dan sosial. Tekanan hidup akibat kemiskinan boleh menyebabkan masalah kesihatan mental, seperti kemurungan dan kebimbangan.

Oleh itu, usaha bersepadu dan menyeluruh diperlukan daripada semua pihak, termasuk kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat awam, untuk menangani masalah ini dan memastikan semua rakyat Malaysia menikmati taraf hidup yang lebih baik.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa **mencari jalan keluar** ? **(2 markah)**
2. Berdasarkan petikan ini, nyatakan **EMPAT (4)** kesan kemiskinan bandar. **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, apakah **DUA (2)** faktor berlakunya kemiskinan bandar? **(4 markah)**

Petikan (ii)

Baca puisi di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Tajuk: Sebatang Kali yang Ternoda

Suatu waktu dulu
di dada putih terpampang wajah indahmu
disolek flora dan fauna mengimbau kalbu
batu-batu kaku mengisi perutmu
dingin air sesejuk salju
kejernihanmu berkaca-kaca
sehingga kilat ikan di air
sudah tahu jantan betinanya
manakala sebagai unggas berkicau riang
damai sukma setiap pengunjungmu

Hari ini
aku sekeluarga melewati sebatang kali
yang rupa-rupanya sudah ternoda
oleh kerakusan manusia gelojoh
merobek hutan dara di puncak persada
tumbang batang menghalang perjalanan

dengan nyamuk dan lalat berpesta
dari sampah sarap dan tin minuman milik kita
ditambah kebisingan motoris gila
resah gelisah setiap tetamumu

Oh, Sungai Bil!
betulkah engkau seperti kata pepatah;
“Sekali air bah, sekali pasir berubah”?

Oh, Sungai Bil!
mungkin benar juga fatwa pujangga;
“Indah khabar daripada rupa?”

1. Apakah yang dimaksudkan oleh penyajak dalam frasa merobek hutan dara? **(2 markah)**
2. Nyatakan **DUA (2)** perkara negatif yang telah menimpa Sungai Bil. **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, apakah **DUA (2)** usaha yang boleh dilakukan untuk membangunkan semula Sungai Bil? **(4 markah)**

TATABAHASA (20 markah)

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

(a) Bina satu ayat bagi setiap penjodoh bilangan di bawah ini supaya jelas menunjukkan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- I. sejambak (2 markah)
- II. sebilah (2 markah)
- III. sekeping (2 markah)
- IV. sebuah (2 markah)
- V. seikat (2 markah)

(10 markah)

(b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

1. Kegunaan teknologi digital secara berlebihan, terutama aplikasi sosial telah menjadikan generasi muda terjebak dengan masalah kemurungan.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

2. Kerajaan tidak boleh membiarkan lambakkan warga asing di negara ini apabila jumlah pengangguran pada bulan March 2024 didapati sangat tinggi, iaitu 566,600 orang.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

3. Penduduk yakin bahawa air banjir ini turun dari atas Gunung Panti yang meneroka secara sah untuk projec pertanian.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

4. Pengambilan makanan yang mempunyai kalori yang rendah dan makanan yang mengandungi kurang lemak adalah amat penting sebagai strateji untuk menturunkan berat badan.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

5. Displin bukan sahaja sebagai langkah penguatkuasaan tetapi juga sangat penting untuk terbentuk diri pelajar yang baik.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2 : SOALAN ESEI (30 MARKAH)

ARAHAN : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

KARANGAN

1. Pengangguran di Malaysia berlaku apabila jumlah pencari kerja melebihi jumlah peluang pekerjaan yang tersedia. Hal ini akan menyebabkan masalah ekonomi dan sosial kepada rakyat dan negara. Bincangkan faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah pengangguran di Malaysia.

ATAU;

2. Rasisme di Malaysia mempengaruhi hubungan antara kaum, kestabilan sosial, dan pembangunan negara. Berdasarkan kenyataan di atas, huraikan kesan-kesan rasisme di Malaysia kepada masyarakat dan negara.

ATAU;

3. Pada waktu ini, Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) semakin banyak didirikan di Malaysia dengan menawarkan pelbagai program akademik yang berkualiti tinggi dan setanding dengan piawaian antarabangsa. Anda tertarik dengan topik ini dan telah berbual dengan rakan anda tentang kebaikan dan keburukan penubuhan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Tuliskan perbualan anda selengkapnya.

KERTAS SOALAN TAMAT